



**PANDUAN PENDAFTARAN
PELAJAR BAHARU
POLITEKNIK IBRAHIM SULTAN
SESI JUN 2020**

**PROGRAM PERINGKAT
DIPLOMA**

Disediakan oleh :

Jabatan Hal Ehwal Pelajar
Politeknik Ibrahim Sultan,
KM 10, Jalan Kong Kong,
81700 Pasir Gudang, Johor.
Tel : 07 – 261 2488 Fax : 07 – 261 2963
<http://www.pis.edu.my>
e-mel rasmi JHEP: pisjhep17@gmail.com

MAKLUMAT TAMBAHAN PENGURUSAN DAN PENDAFTARAN PELAJAR PASCA COVID-19

Pelajar perlu mematuhi arahan dan peraturan yang ditetapkan oleh pihak Politeknik, KPT selaras dengan garis panduan yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Garis panduan Hari Pendaftaran Pelajar Baharu Sesi Jun 2020 (Pasca Covid-19) adalah seperti berikut:

1. urusan pendaftaran kemasukan pelajar baharu dibuat secara berperingkat bagi memastikan jumlah kehadiran adalah terkawal pada satu-satu masa. Perjalanan pelajar adalah ditanggung dan diurus sendiri oleh pelajar.
2. pelaksanaan norma baharu seperti pemeriksaan suhu badan, penggunaan pensanitasi tangan, pemakaian pelitup muka dan pengamalan penjarakan sosial akan diadakan di seluruh Politeknik, KPT.
3. Sekiranya suhu badan melebihi 37.5°C dan ke atas anda tidak dibenarkan memasuki premis Politeknik Ibrahim Sultan (PIS)
4. hanya dua (2) orang waris sahaja yang dibenarkan untuk mengiringi pelajar semasa hari pendaftaran.
5. pelajar yang bergejala COVID-19, berstatus Person under Investigation (PUI) atau Person under Surveillance (PUS), tidak dibenarkan mendaftar.
6. pelajar baharu akan mengikuti PdP secara dalam talian di dalam kampus kecuali aktiviti makmal di dalam kelas.
7. pelajar dinasihatkan sentiasa memakai pelitup muka, pensanitasi tangan dan mengamalkan penjarakan sosial sepanjang berada dalam premis PIS.

ISI KANDUNGAN

Bahagian	Perkara	Mukasurat
A – Maklumat Am	A1 – Panduan Untuk Ke Politeknik Ibrahim Sultan (PIS) A2 – Kolej Kediaman Pelajar A3 – Bantuan Kewangan A4 – Rupadiri Pelajar Politeknik	-3- -3- -3- -5- -6-
B – Maklumat Pendaftaran	B1 – Carta Alir Proses Pendaftaran B2 – Hari Pendaftaran B3 – Maklumat Bayaran Yuran B4 – Program Haluan Siswa(PHS)	-8- -9- -11- -13-
C – Peraturan Kolej Kediaman		-15-
Senarai Semak Sebelum Hari Pendaftaran		-17-
D – Manual Pendaftaran Online Pelajar Baharu		-18-
Lampiran A	Borang Daftar Masuk & Keluar Bilik pelajar kolej kediaman Borang Maklumat Peribadi Kolej Kediaman Borang Deklarasi COVID-19 kolej kediaman Borang keahlian Koperasi	-22-

A – MAKLUMAT AM

A1 - PANDUAN UNTUK KE POLITEKNIK IBRAHIM SULTAN (PIS)

Kampus PIS terletak 30 km dari Pusat Bandaraya Johor Bahru. Sekiranya anda daripada susur keluar Skudai Lebuhraya Utara-Selatan teruskan perjalanan dan ambil simpang kiri ke Pasir Gudang. Jarak perjalanan daripada susur keluar Skudai ke PIS lebih kurang 35 km.

Anda juga boleh menggunakan jalan alternatif daripada susur keluar Senai Lebuhraya Utara-Selatan (E22 Lebuhraya Senai-Desaru). Selepas tol Senai, ambil jalan simpang kiri Ulu Tiram / Pasir Gudang teruskan perjalanan sehingga Exit 2205A – Persimpangan Cahaya Baru. Selepas tol Cahaya Baru ambil susur kiri Masai/Kong Kong dan teruskan perjalanan menghala ke Masai.



A2 - KOLEJ KEDIAMAN PELAJAR

Semua pelajar baharu (lelaki dan perempuan) adalah **DIWAJIBKAN** untuk menduduki Kolej Kediaman Pelajar yang disediakan. Adalah menjadi tanggungjawab pelajar untuk menjaga kemudahan yang diberikan dengan baik dan mengikuti semua peraturan dan rupadiri yang ditetapkan untuk pelajar tetap menduduki Kolej Kediaman Pelajar sehingga habis semester 1.

Blok Kolej Kediaman Pelajar Lelaki (Kapasiti 1260 orang)

- ❖ Hi Tech 1 (HT1)

- ❖ Hi Tech 2 (HT2)
- ❖ Hi Tech 3 (HT3)
- ❖ Info Tech 1 (IF1)
- ❖ Info Tech 2 (IF2)

Blok Kolej Kediaman Pelajar Perempuan (Kapasiti 1000 orang)

- ❖ Hi-10

Kemudahan di Kolej Kediaman Pelajar

- ❖ Kafeteria dan kantin di Blok Hi-10 disediakan untuk pelajar membeli makanan dan minuman. Segala perbelanjaan ditanggung oleh pelajar sendiri.
- ❖ Mini koop juga terdapat di kawasan kolej kediaman pelajar untuk pelajar membeli keperluan asas.
- ❖ Setiap bilik disediakan katil, tilam, almari baju dan meja belajar. Peralatan tambahan lain, perlu dibawa sendiri oleh pelajar

A3 – BANTUAN KEWANGAN

PIS tidak menyediakan pembiayaan atau elaun khas untuk pelajar, sebaliknya pelajar perlu memohon sendiri mana-mana bantuan kewangan (Biasiswa / Pinjaman) yang ada bagi menampung perbelanjaan sepanjang pengajian di sini. Pembiaya Pendidikan pelajar yang terbesar di PIS adalah Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) bagi pelajar peringkat Diploma dan Ijazah manakala bagi peringkat Sijil Kemahiran Khas (masalah pendengaran) pula mendapat Bantuan Kewangan Program Pendidikan Khas (PPK).

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)

Pembiayaan pendidikan PTPTN terbuka kepada semua pelajar PIS yang mengikuti pengajian secara sepenuh masa dan separuh masa di peringkat seperti berikut:-

- i. Diploma
- ii. Ijazah Sarjana Muda

Setiap permohonan mestilah dilampirkan bersama SATU (1) SALINAN dokumen sokongan seperti berikut:

- i. Salinan Surat Tawaran Kemasukan ke Politeknik Ibrahim Sultan

Permohonan PTPTN dibuat melalui laman web <http://www.ptptn.gov.my>

SESI	KELOMPOK 1	KELOMPOK 2
Sesi Jun 2020 (Diploma)	1 Julai - 31 Julai	1 Ogos – 31 Ogos
Sesi Disember 2020 (Diploma)	1 November – 30 November	1 Disember - 31 Disember

Pelajar layak memohon PTPTN sekiranya memenuhi syarat-syarat berikut:-

- i. Pemohon adalah warganegara Malaysia
- ii. Berumur tidak melebihi 45 tahun pada tarikh memohon;
- iii. Mendapat tawaran ke IPTA/IPTS dan Politeknik dengan memenuhi syarat kelayakan masuk yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA);
- iv. Baki tempoh pengajian semasa membuat permohonan hendaklah tidak kurang dari satu (1) tahun;
- v. Tiada penaja lain; dan
- vi. Mempunyai akaun SSPN-i sebelum membuat permohonan

Persediaan Sebelum Membuat Permohonan PTPTN

- i. Membuka akaun simpanan SSPN dengan simpanan minimum RM20.00
- ii. Membeli No.Pin untuk permohonan on-line PTPTN di Bank Simpanan Nasional (BSN)
- iii. Membuka akaun simpanan Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB).

Senarai Pembiaya Pinjaman Atau Biasiswa

Bil	Nama Pembiaya Pinjaman / Biasiswa	Laman Web
1	Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)	http://www.ptptn.gov.my/
2	Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)	http://www.jpa.gov.my/

3	Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri Sabah	http://www.biasiswa.sabah.gov.my/
4	Jabatan Kemajuan Orang Asli	http://www.jakoa.gov.my/
5	Biasiswa Sukan KPM	https://biasiswa.moe.gov.my/sukan/
6	Bantuan Kewangan Pelajar OKU	https://biasiswa.mohe.gov.my/bk_oku/
7	Yayasan Telekom Malaysia	https://www.tm.com.my/YayasanTM
8	Yayasan Pelajaran Johor	http://portal.ypj.gov.my/
9	Tabung Amanah Pendidikan Negeri Melaka (TAPEM)	https://tapem.melaka.gov.my/1/
10	Yayasan Sarawak	http://yayasansarawak.org.my/
11	Yayasan Pahang	http://www.yp.org.my/
12	Tabung Kumpulan Wang Biasiswa (TKWBNS)	http://tkwbns.selangor.gov.my/
13	Yayasan Selangor	http://www.yayasanselangor.org.my/
14	KUOK Foundation	http://www.kuokfoundation.com/

Nota : Sebarang maklumat lanjut boleh merujuk kepada Bahagian Biasiswa dan Tajaan, Jabatan Hal Ehwal

Pelajar PIS

A4 – RUPADIRI PELAJAR POLITEKNIK


Semua pelajar Jabatan Pengajian Politeknik Dan Kolej Komuniti Malaysia tertakluk kepada Akta Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) 1976, Pindaan 1997 (Akta 174) dan semua peraturan bertulis di Politeknik. Secara umumnya pelajar-pelajar hendaklah sentiasa berpakaian kemas, bersih, menutup aurat (bagi pelajar Islam) dan sopan. Semua jenis pakaian yang “mencolok mata” dan tidak menepati peraturan Politeknik adalah dilarang sama sekali. Sila rujuk **Buku Panduan Dan Peraturan Am Pelajar Politeknik Malaysia** yang boleh didapati dari laman web www.pis.edu.my. Di bawah juga ada diterangkan secara ringkas etika pemakaian dan rupadiri sepanjang pelajar berada di politeknik.

Perkara	Pelajar Lelaki	Pelajar Perempuan
Pakaian ke kelas / bengkel / makmal	<ul style="list-style-type: none"> ❖ Baju kemeja berlengan panjang / pendek ❖ Baju 'T' berkollar ❖ Berseluar <i>slack</i> (Pemakaian seluar jeans TIDAK dibenarkan) ❖ Berkasut & berstokin (Selipar / Capal TIDAK dibenarkan) 	<ul style="list-style-type: none"> ❖ Pelajar wanita Islam diWAJIBkan menutup aurat mengikut syarak ❖ Pakaian yang mencolok mata seperti pakaian yang ketat, jarang, pendek, berbelah dan mendedahkan mana-mana bahagian TIDAK dibenarkan sama sekali. ❖ Pelajar bukan muslim TIDAK dibenarkan memakai <i>skirt</i> pendek ❖ Berseluar <i>slack</i> dibenarkan asalkan tidak ketat ❖ Berkasut & berstokin

Rambut	<ul style="list-style-type: none"> ❖ Pendek & Kemas ❖ Rambut berfesyen TIDAK dibenarkan 	<ul style="list-style-type: none"> ❖ Pelajar muslim diWAJIBkan bertudung ❖ Rambut hendaklah kemas dan tidak berfesyen bagi pelajar bukan muslim
Perhiasan	<ul style="list-style-type: none"> ❖ Sebarang bentuk perhiasan TIDAK dibenarkan 	<ul style="list-style-type: none"> ❖ Pemakaian barang perhiasan dan solekan yang berlebihan adalah TIDAK digalakkan

B – MAKLUMAT PENDAFTARAN

B1 – CARTA ALIR PROSES PENDAFTARAN



B2 – HARI PENDAFTARAN

Pelajar dikehendaki hadir untuk pendaftaran pada hari dan waktu yang telah ditetapkan. Kegagalan untuk hadir akan menyebabkan tawaran dibatalkan. Sekiranya pelajar gagal untuk menghadirkan diri pada waktu yang telah ditetapkan kerana sebab yang tertentu, pelajar diminta menghubungi pihak Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP) PIS dengan segera.

Dalam pasca memerangi penularan COVID'19 pendaftaran dilakukan secara berperingkat mengikut kod program iaitu pada **3 Ogos 2020** program Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (JKM) dan Jabatan Perhotelan dan Hospitaliti (JPH) sahaja. Seterusnya pada **4 Ogos 2020** pendaftaran bagi program Jabatan Kejuruteraan Elektrik (JKE) dan Jabatan Rekabentuk dan Komunikasi Visual (JRKV) sahaja.

Maklumat Serahan Kunci Kediaman Pelajar Baharu adalah seperti berikut:

Tarikh : 3 Ogos 2020 (Isnin)

Program : JKM & JPH (kod program rujuk jadual di bawah)

Masa : 8.30 pagi – 1.00 petang

Tempat : Politeknik Ibrahim Sultan (Proses serahan kunci dilakukan secara pandu lalu)

Tarikh : 4 Ogos 2020 (Selasa)

Program : JKE & JRKV (kod program rujuk jadual di bawah)

Masa : 8.30 pagi – 1.00 petang

Tempat : Politeknik Ibrahim Sultan (Proses serahan kunci dilakukan secara pandu lalu)

- Semua pelajar baharu **DIWAJIBKAN** menduduki Kolej Kediaman Pelajar.
- Pelajar yang **hadir lewat dari 1.00 petang**, dikehendaki **terus membuat pendaftaran di PEJABAT PENGURUSAN KOLEJ KEDIAMAN PELAJAR.**

Senarai Dan Kod Program Mengikut Jabatan

Calon pelajar dinasihatkan untuk menyemak kod-kod program dan jabatan bagi memudahkan proses pendaftaran.

PROGRAM	KOD PROGRAM	JABATAN (KOD)
Diploma Kejuruteraan Elektronik (Kawalan)	DJK	JABATAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK (JKE)
Diploma Kejuruteraan Elektrik & Elektronik	DEE	
Diploma Kejuruteraan Elektronik (Komunikasi)	DEP	
Diploma Kejuruteraan Elektronik	DKE	
Diploma Pengurusan Hotel	DHM	JABATAN PELANCONGAN DAN HOSPITALITI (JPH)
Diploma Pengurusan Pelancongan	DUP	
Diploma Pengurusan Acara	DEV	
Diploma Kejuruteraan Mekanikal	DKM	JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL (JKM)
Diploma Kejuruteraan Mekanikal (Pembuatan)	DTP	
Diploma Kejuruteraan Mekanikal (Bahan)	DMB	
Diploma Kejuruteraan Mekatronik	DEM	
Diploma Rekabentuk Fesyen Dan Pakaian	DFP	JABATAN REKABENTUK DAN KOMUNIKASI VISUAL (JRKV)
Diploma Rekabentuk Grafik	DRG	
Diploma Rekabentuk Industri	DRI	
Diploma Teknologi Kreatif	DCT	

Rupadiri dan pemakaian semasa pendaftaran

Lelaki

Kemeja / Tshirt berkollar (sebarang warna) dan seluar “slack”, berambut pendek dan tidak berwarna. Berseluar “jeans” dan sebarang aksesori seperti rantai, gelang, anting-anting dan lain-lain **TIDAK** dibenarkan.

Perempuan

Muslim : Berbaju kurung / baju (sebarang warna) menutup aurat. Memakai tudung yang menutup dada.
 Bukan Muslim : Berbaju kurung / baju (sebarang warna) yang sopan. Rambut tidak berwarna & kemas.

Keperluan di Kolej Kediaman Pelajar yang PERLU dibawa semasa pendaftaran Kolej Kediaman Pelajar:

- i. Bantal. Bantal berukuran ‘standard’. Bantal juga boleh dibeli di Koperasi PIS.
- ii. Sehelai sejadah, telekung sembahyang (pelajar perempuan) senaskhah Al-Quran dan Surah Yassin bagi pelajar Islam
- iii. Pakaian sukan / riadah.
- iv. Cadar dan sarung bantal.
- v. Langsir **bagi pelajar lelaki wajib** dibeli di Koperasi PIS.

- vi. Keperluan harian dan peribadi pelajar seperti baldi, gayung, sabun dan sebagainya. Semua keperluan ini juga boleh didapati di Koperasi Politeknik Ibrahim Sultan.

B3 – MAKLUMAT BAYARAN YURAN

Sila pastikan maklumat bayaran yuran dibaca dan difahami sebelum membuat urusan bayaran bagi mengelakkan kesilapan pembayaran. Tiga jenis bayaran yang perlu dibayar adalah:

- i. Yuran Pengajian
- ii. Yuran Kolej Kediaman
- iii. Bayaran Pelbagai

Bil	Jenis Bayaran	Pelajar Lelaki	Pelajar Perempuan	Kaedah Pembayaran
1.	Yuran Pengajian	RM 200.00	RM 200.00	CDM, ATM, Perbankan Internet (rujuk jadual di bawah)
2.	Yuran Kolej Kediaman (*mana yang berkenaan)	RM 60.00	RM 630.00	
3.	Bayaran Pelbagai	RM 300.00	RM 300.00	Bawa tunai semasa hari pendaftaran

Jenis Bayaran	Bank	Butiran Pembayaran	Kaedah Pembayaran
Yuran Pengajian DAN Yuran Kolej Kediaman Pelajar	Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB)	Politeknik KPT No Akaun: Tidak memerlukan no akaun. Hanya perlu masukkan no Kad Pengenalan calon sahaja (rujuk kaedah di dalam mukasurat 10)	- Cash Deposit Machine (CDM) atau, - Automatic Teller Machine (ATM) atau, - Perbankan Internet BIMB

Berikut adalah kaedah pembayaran **YURAN PENGAJIAN & YURAN KOLEJ KEDIAMAN** yang boleh dipilih oleh pelajar/ibubap/penjaga semasa membuat pembayaran:

- a. Cash Deposit Machine (CDM)
 - Pilih menu Yuran IPT/Bill Presentment
 - Masukkan No Kad Pengenalan Pelajar
 - Pilih yuran yang hendak dibayar. Contoh "**POLITEKNIK KPT 09XXXXXXRM200**" untuk bayaran Yuran pengajian RM200 (XXXXXX adalah no janaan komputer di mana no bagi setiap pelajar adalah berbeza)

<ul style="list-style-type: none"> • Sahkan data dan masukkan wang • Sahkan jumlah kemasukan wang • Transaksi selesai dan ambil resit • Ulangi langkah yang sama untuk membayar yuran lain
<p>b. Auto Teller Machine (ATM)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pilih menu LAIN-LAIN • Pilih menu Pembayaran Bil/Yuran IPT • Pilih akaun pembayar • Masukkan No Kad pengenalan Pelajar • Pilih bil yang hendak dibayar • Sahkan amaun yang hendak dibayar • Transaksi selesai dan ambil resit • Ulangi langkah yang sama untuk membayar yuran lain
<p>c. Perbankan Internet dari BIMB ke BIMB sahaja. Pelajar tidak boleh membuat pembayaran melalui bank lain (interbank)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Layari www.bankislam.biz • Masukkan ID Pengguna dan Kata Laluan • Pilih Payment / Service • Pilih Bill Presentment • Pilih New IC Number dan masukkan No IC pelajar • Klik Submit dan pilih yuran yang hendak dibayar • Klik confirm untuk meneruskan bayaran • Cetak slip / resit transaksi • Ulangi langkah yang sama untuk membayar yuran lain

PERINGATAN!!!!

- Ketiga-tiga yuran tersebut boleh dibayar mulai **06 Julai 2020** di mana-mana cawangan **BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD (BIMB)** menggunakan kaedah pembayaran seperti yang dinyatakan di dalam jadual di atas.
- Pelajar boleh membuat pendaftaran secara online selepas 24 jam (hari bekerja) membuat bayaran. Pendaftaran boleh dibuat melalui <http://spmp.pis.edu.my/uspmp2/logindaftarbaru.jsp>
- Bagi pelajar yang tidak berjaya membuat pendaftaran secara online walaupun telah membuat bayaran, sila e-mel salinan resit bayaran ke e-mel rasmi JHEP pisjhep17@gmail.com

Lain-lain Bayaran Jabatan Akademik

Pembelian peralatan pembelajaran berikut juga **dicadangkan** untuk disediakan sebelum calon pelajar menjalani pengajian di Politeknik Ibrahim Sultan. Pelajar diminta menyediakan duit di dalam anggaran RM100 – RM300 bergantung kepada keperluan peralatan yang digunakan dalam Pengajaran & Pembelajaran (P&P) sepanjang pengajian di jabatan akademik masing-masing.

B4 – PROGRAM HALUAN SISWA (PHS)

Maklumat PHS adalah seperti berikut:

Tarikh : 3 Ogos 2020 sehingga 6 Ogos 2020 (Isnin-Khamis)

Tempat : Sekitar kawasan PIS

Rupadiri semasa PHS

Berikut adalah rupadiri dan pemakaian pelajar **sepanjang minggu PHS** yang akan berlangsung seperti tarikh di atas.

- i. Baju Kemeja putih berlengan panjang / pendek, bertali leher dan berseluasur ‘slack’ hitam bagi pelajar lelaki (digalakkan membawa 2 pasang).
- ii. Baju kurung / blouse panjang berwarna putih, kain / skirt labuh berwarna hitam dan tudung hitam (pelajar Islam) bagi pelajar perempuan (digalakkan membawa 2 pasang).
- iii. Tshirt, track bottom dan kasut sukan – untuk aktiviti sukan
- iv. Baju korporat (termasuk di dalam barang yang akan diperolehi dari Koperasi PIS).

Maklumat Serahan Dokumen HEP Pelajar Baharu adalah seperti berikut:

Tarikh : 4 Ogos 2020 (Selasa)

Masa : 8.30 pagi – 12.30 tengahari (JKM & JPH)

2:00 petang – 5.00 petang (JKE & JRKV)

Tempat : Dewan Tunku Laksamana Abdul Jalil (DTLAJ), PIS

Dokumen yang perlu diserahkan pada hari tersebut adalah:

- i. Borang Jawapan Tawaran (BJT-JPP) beserta lampiran (bagi pelajar belum menghantar BJT-JPP melalui pos atau dihantar sendiri ke JHEP)
- ii. Borang HEP1 – HEP 6 yang telah lengkap diisi.

- iii. 1 salinan **slip pendaftaran online** (dicetak melalui portal **SPMP**).
- iv. Salinan Resit / Slip bayaran Bank Islam (simpanan pelajar) bagi kesemua jenis yuran.
- v. Surat asal tajaan yuran pengajian dan bayaran pendaftaran (jika berkaitan) seperti Majlis Agama Islam Negeri, Angkatan Tentera Malaysia, Yayasan Negeri, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, Pusat Zakat dan lain-lain.
- vi. Gambar berukuran passport sebanyak 8 keping (Pelajar lelaki – baju berkollar dan berambut pendek ketika bergambar. Pelajar perempuan berpakaian sopan dan bertudung (pelajar Islam)).

C – PERATURAN KOLEJ KEDIAMAN

1. Penghuni hendaklah memastikan semua peralatan dan perabot di dalam bilik lengkap dan sempurna semasa mula menduduki bilik. Sebarang kekurangan atau kerosakan perlu dilaporkan kepada pihak pengurusan kolej kediaman dengan segera.
2. Penghuni hendaklah berkelakuan baik, berhemah tinggi dan hendaklah sentiasa memelihara suasana harmoni di kolej kediaman.
3. Hanya penghuni yang berdaftar sahaja dibenarkan tinggal di bilik kolej kediaman. Penghuni kolej kediaman tidak dibenarkan memberi tumpangan penginapan kepada mana-mana pelajar lain, tetamu atau pelawat di mana-mana bilik kolej kediaman.
4. Semua peralatan yang ditetapkan di bilik kolej kediaman TIDAK boleh diubah kedudukan atau diubahsuai tanpa kebenaran daripada Pengarah atau wakil kuasanya.
5. Kebersihan bilik adalah tanggungjawab penghuninya. Pelajar WAJIB memasang cadar dan sarung bantal.
6. Keselamatan harta benda penghuni adalah tanggungjawab sendiri. Bilik hendaklah sentiasa dikunci bagi tujuan keselamatan.
7. Penukaran bilik tanpa kebenaran daripada Pengarah atau wakil kuasanya adalah TIDAK dibenarkan.
8. Semua penghuni bertanggungjawab ke atas bilik, aras dan blok mereka sendiri.
9. Penghuni TIDAK dibenarkan membawa sebarang jenis senjata ke dalam kolej kediaman.
10. Sebarang bentuk *ragging* atau buli TIDAK dibenarkan.
11. Pelajar lelaki DILARANG memasuki kolej kediaman perempuan dan sebaliknya.
12. Seorang penghuni TIDAK boleh melakukan sesuatu untuk menghalang atau menahan seseorang pegawai, pekerja atau wakil politeknik dari memasuki bilik penghuni untuk menjalankan tugas-tugas dan kewajipannya.
13. Pengarah atau wakil kuasanya boleh mengarahkan penghuni mengosongkan bilik kediaman atau berpindah ke bilik kediaman lain pada bila-bila masa atas kepentingan politeknik.
14. Selepas jam 11.00 malam, hanya penghuni kolej kediaman sahaja yang boleh berada di dalam kawasan kolej kediaman.
15. Penghuni TIDAK dibenarkan menghadiri atau mengelola apa-apa jenis perjumpaan atau perhimpunan di kawasan kolej kediaman kecuali dengan kebenaran bertulis daripada Pengarah atau wakil kuasanya.
16. Penggunaan peralatan elektrik di dalam bilik kediaman hendaklah dengan kebenaran pihak Berkuasa Kolej Kediaman terlebih dahulu. Penggunaan radio, cakera padat dan pemain kaset adalah dibenarkan dengan syarat tidak mengganggu ketenteraman penghuni lain. Penggunaan fon telinga adalah digalakkan.
17. Pengarah atau wakil kuasanya boleh dari semasa ke semasa memberi secara lisan atau bertulis, apa-apa perintah atau arahan yang difikirkan perlu dan sesuai untuk memelihara ketenteraman atau tatatertib di dalam kolej kediaman.
18. Sebarang bentuk penyambungan/pendawaian elektrik (*wiring*) di dalam kolej kediaman adalah DILARANG sama sekali. Mana-mana penghuni yang melakukan penyambungan/pendawaian elektrik adalah dianggap merosakkan harta benda atau bangunan politeknik dan pihak politeknik berhak menuntut gantirugi dan mengenakan tindakan tatatertib.

19. Penghuni DILARANG memasuki kawasan kediaman kakitangan kecuali dengan kebenaran Pengarah atau wakil kuasanya.
20. Penghuni hendaklah mengosongkan biliknya apabila diarah pada masa yang telah ditetapkan oleh pihak politeknik.
21. Penghuni hendaklah menutup suis lampu, kipas, tingkap dan mengunci pintu sebelum meninggalkan bilik.
22. Kunci hendaklah diserahkan SENDIRI ke Pejabat Pengurusan Kolej Kediaman selewat-lewatnya pada hari akhir mengosongkan atau notis pengosongan bilik pada waktu pejabat.
23. Semua penghuni kolej kediaman yang keluar dari kawasan kampus politeknik atas urusan harian dikehendaki masuk semula ke kolej kediaman tidak lewat dari jam 11.00 malam pada hari yang sama kecuali dengan kebenaran yang diberikan oleh warden. Setiap penghuni kolej kediaman hendaklah melapor diri di pondok pengawal ketika keluar dan masuk ke kolej kediaman.
24. Penghuni adalah dinasihatkan supaya berpakaian kemas dan tidak mencolok mata pada setiap masa di kawasan kolej kediaman.
25. Penghuni DILARANG memelihara atau menternak apa-apa jenis haiwan di dalam bilik atau kawasan kolej kediaman.
26. Penghuni TIDAK dibenarkan bermiaga di mana-mana kawasan kolej kediaman kecuali dengan kebenaran Pengarah atau wakil kuasanya.
27. Penghuni yang melihat sebarang punca api hendaklah bertindak dengan bijaksana untuk memadamkannya atau berhubung terus dengan warden atau Jabatan Bomba dan Penyelamat. Penghuni hendaklah keluar dari bilik dan berkumpul di tempat yang selamat.
28. Jika berlaku kecemasan yang memerlukan rawatan segera, sila maklumkan kepada warden dengan segera. Jika warden tiada, hendaklah menghubungi mana-mana wakil jawatankuasa blok, pensyarah atau pengawal keselamatan.
29. Sebarang bentuk perbincangan yang berhubung dengan hal akademik atau aktiviti ko-kurikulum antara pelajar lelaki dan perempuan secara berkumpulan perlu dibuat dalam keadaan yang sopan di kafetaria/kantin/mana-mana tempat yang disediakan sahaja sehingga jam 11.00 malam.
30. Pelajar-pelajar dibenarkan masuk ke bilik warden dan penyelia kolej kediaman atas urusan rasmi sahaja.
31. Kawasan pentadbiran dan akademik adalah kawasan larangan mulai jam 7.00 malam kecuali dengan kebenaran Pengarah atau wakil kuasanya.
32. Pelajar adalah tidak dibenarkan membawa atau meletakkan kenderaan bermotor di kawasan kolej kediaman dan persekitarannya tanpa kebenaran Pengarah atau wakil kuasanya.
33. Penghuni DILARANG mengotorkan dinding atau mana-mana bahagian bangunan kolej kediaman dengan cara apa sekalipun.
34. Penghuni DILARANG memasak di dalam kawasan kolej kediaman.

PENGURUS

KOLEJ KEDIAMAN PELAJAR

POLITEKNIK IBRAHIM SULTAN.

SENARAI SEMAK SEBELUM HADIR PADA HARI PENDAFTARAN

Semak dan tandakan (✓) pada petak yang berkenaan sekiranya perkara-perkara berikut telah disediakan oleh anda sebelum hadir mendaftar di **Politeknik Ibrahim Sultan** pada **tarikh yang telah ditetapkan**.

Bil.	Senarai Dokumen	Sila Tanda (✓)
1.	3 Salinan Slip Pendaftaran Online (SPMP) <ul style="list-style-type: none"> i. 1 salinan untuk pendaftaran kolej kediaman ii. 1 salinan untuk serahan dokumen HEP iii. 1 salinan diserahkan kepada Penasihat Akademik (PA) 	
2.	1 salinan Resit Bank Islam – YURAN PENGAJIAN	
3.	1 salinan Resit Bank Islam – YURAN KOLEJ KEDIAMAN (ASRAMA)	
4.	Borang Pendaftaran (BHEP 1 hingga BHEP 6) yang telah LENGKAP diisi dan semua dikepilkhan (<i>staple</i>) sekali mengikut tertib/aturan.	
5.	Borang Maklumat Peribadi Kolej Kediaman yang telah LENGKAP diisi <i>(rujuk Lampiran A)</i>	
6.	Borang daftar masuk & keluar bilik pelajar kolej kediaman <i>(rujuk Lampiran A)</i>	
7.	Borang deklarasi saringan COVID-19 kolej kediaman <i>(rujuk Lampiran A)</i>	
8.	Borang Keahlian KOPERASI (serahan semasa mengambil barang koperasi) <i>(rujuk Lampiran A)</i>	
9.	Dokumen-dokumen ASAL(<i>ORIGINAL</i>) / Sijil-sijil Persekutuan (yang berkaitan – terutamanya sukan / aktiviti yang mewakili Negara dan Negeri)	
10.	Dokumen-dokumen Pinjaman PTPTN (sekiranya ada memohon PTPTN)	
11.	Surat Tawaran yang telah disahkan (satu salinan surat tawaran hendaklah disimpan sehingga pelajar tamat pengajian Diploma / Sijil Kemahiran di politeknik)	
12.	Surat asal tajaan yuran pengajian dan bayaran pendaftaran (jika berkaitan) seperti Majlis Agama Islam Negeri, Angkatan Tentera Malaysia, Yayasan Negeri, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, Pusat Zakat dan lain-lain (JIKA BERKAITAN)	

D – MANUAL PENDAFTARAN ONLINE PELAJAR BAHARU

Manual Pendaftaran Pelajar Baharu Menggunakan SISTEM PENGURUSAN MAKLUMAT POLITEKNIK (SPMP)

- i. Taipkan URL di bawah pada pelayar web:

<http://spmp.pis.edu.my/usmp2/logindaftarbaru.jsp>

- ii. Masukkan No. Kad Pengenalan pada ruangan No KP Calon. Kemudian, klik pada butang Teruskan.



- iii. Panduan untuk langkah seterusnya dipaparkan.

1. Skrin di bawah dipaparkan apabila calon **masih belum membuat apa-apa bayaran yuran**.

Sesi Semasa : DISEMBER 2017 || DIS2017

Panduan Pendaftaran Pelajar Baru Online Politeknik Ibrahim Sultan

Tawaran anda adalah dengan Kamsis

Langkah	Perkara yang perlu dilakukan	
1	Cetak Dokumen Pendaftaran Sila cetak maklumat am pendaftaran Politeknik Ibrahim Sultan	Maklumat Am
2	Cetak Maklumat Bayaran Sila cetak jadual bayaran untuk tujuan rujukan semasa anda membuat bayaran di Bank.	Maklumat Bayaran
3	Semak status bayaran Data bayaran pendaftaran yang dibuat hanya akan diterima pihak Politeknik Ibrahim Sultan sehari selepas bayaran dibuat	Semak Status Bayaran

Sebarang masalah atau pertanyaan bolehlah berhubung terus di Jabatan Hal Ehwal Pelajar
Politeknik Ibrahim Sultan
Tel : 07-261 2488 Fax : 07-261 2402
<http://www.pis.edu.my>

© Copyright Team Programmer PKB

2. Skrin di bawah dipaparkan apabila **calon telah membuat bayaran yuran**.

- iv. Untuk membuat pendaftaran online, klik pada butang **Teruskan Untuk Pendaftaran** pada Langkah 4. Seterusnya, skrin maklumat pendaftaran online dipaparkan. Klik pada butang Cetak Slip untuk mencetak Slip Pendaftaran Online.

Sebarang masalah atau pertanyaan bolehlah berhubung terus di Jabatan Hal Ehwal Pelajar
Politeknik Ibrahim Sultan
Tel : 07-261 2488 Fax : 07-261 2402
<http://www.pis.edu.my>

© Copyright Team Programmer PKB

- v. Sekiranya pelajar hendak mencetak semula slip pendaftaran online, klik pada Semak Semula dan Cetak Slip.

The screenshot shows the SIMS homepage with a purple header banner. Below it, a section titled "Panduan Pendaftaran Pelajar Baru Online Politeknik Ibrahim Sultan" provides a step-by-step guide for new student registration:

Tawaran anda adalah dengan Kamsis		
Langkah	Perkara yang perlu dilakukan	
1	Cetak Dokumen Pendaftaran Sila cetak maklumat am pendaftaran Politeknik Ibrahim Sultan	Maklumat Am
2	Cetak Maklumat Bayaran Sila cetak jadual bayaran untuk tujuan rujukan semasa anda membuat bayaran di Bank.	Maklumat Bayaran
3	Semak status bayaran Data bayaran pendaftaran yang dibuat hanya akan diterima pihak Politeknik Ibrahim Sultan sehari selepas bayaran dibuat	Semak Status Bayaran
4	Pendaftaran Online (dalam talian) Anda telah pun mendaftar sila cetak slip pengesahan pendaftaran dalam talian sahaja jika anda belum berbuat demikian	Semak Semula dan Cetak Slip

Sebarang masalah atau pertanyaan bolehlah berhubung terus di Jabatan Hal Ehwal Pelajar
Politeknik Ibrahim Sultan
Tel : 07-261 2488 Fax : 07-261 2402
<http://www.pis.edu.my>

© Copyright Team Programmer PKB

- vi. Proses pendaftaran online calon berjaya dan seterusnya calon dikehendaki mencetak slip pendaftaran online untuk dibawa pada hari lapor diri di Politeknik Ibrahim Sultan.
- vii. Sekiranya calon menghadapi masalah untuk pendaftaran, sila hubungi Pejabat Hal Ehwal Pelajar di talian 07-261 2060 / 1070 / 1032 atau hubungi kami di e-mel pisjhep17@gmail.com

Contoh Slip Pendaftaran Online



Politeknik Ibrahim Sultan

KM 10,
Jalan Kong Kong
81700 Pasir Gudang
Johor Darul Takzim

Telefon : 07-261 2488
Fax : 07-261 2402
Web : <http://www.pis.edu.my>



Slip Pengesahan Pendaftaran Dalam Talian (Online)

Maklumat Pendaftaran

Nama	:	MUHAMMAD HAZANI BIN NIZAM			
No Kp	:	990621065807	No Pendaftaran	:	09DJK17F1039
Program	:	DIPLOMA KEJURUTERAAN ELEKTRONIK (KAWALAN)			
Kelas	:	DJK1B	Jabatan	:	JABATAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK
Tarikh Lapordiri	:	04 JUN 2017	Masa Lapordiri	:	8:30 Pagi
Sesi Mula	:	JUN 2017	Sesi Tamat	:	DISEMBER 2019

Arahan Semasa Melapor Diri

- i Senarai Semak Borang Pendaftaran (BHEP0)
- ii Borang Maklumat Peribadi Pelajar (BHEP1)
- iii Borang Ikrar Pelajar dan Lepas Tanggung (BHEP2)
- iv Borang Akuan Pelajar dan Akuan Ibu/Bapa/Penjaga (BHEP3)
- v Borang Kebenaran Bapa/Ibu/Penjaga Untuk Rawatan Bius (Anaesthesia) & Pembedahan (BHEP4)
- vi Borang Laporan Pemeriksaan Doktor (BHEP5). Laporan X-Ray mesti disertakan jika pemeriksaan dibuat di klinik swasta. Filem X-Ray tidak perlu diserahkan
- vii Borang Aku Janji Pelajar (BHEP6)

-----Potong Disini-----

Untuk Kegunaan Koperasi Politeknik Ibrahim Sultan Sahaja

Senarai Semak Koperasi Politeknik Ibrahim Sultan

Nama	:	MUHAMMAD HAZANI BIN NIZAM			
No Kp	:	990621065807	No Pendaftaran	:	09DJK17F1039
Program	:	DIPLOMA KEJURUTERAAN ELEKTRONIK (KAWALAN)			
Kelas	:	DJK1B			

Sila FOTOSTAT slip Bayaran Pendaftaran dan serahkan bersama keratan ini di kaunter koperasi Politeknik Ibrahim Sultan

Peralatan dari Koperasi Politeknik Ibrahim Sultan yang telah di ambil oleh pelajar.

- POLYTECHNIC MSK T-SHIRT
- T-SHIRT Yes POLY
- POLYTECHNIC JAKET/ BLAZER
- POLYTECHNIC CORPORATE SHIRT
- POLYTECHNIC TEST PAD
- POLYTECHNIC BAG
- BALL PEN

LAMPIRAN A



UNIT KOLEJ KEDIAMAN PELAJAR

BORANG DAFTAR MASUK & KELUAR BILIK PELAJAR

NO BILIK			NAMA PELAJAR		
BLOK	ARAS	BILIK			

SILA TANDAKAN (✓) PADA RUANG YANG BERKENAAN

BIL	PERKARA	DAFTAR MASUK			DAFTAR KELUAR		
		BAIK	ROSAK	CATATAN	BAIK	ROSAK	CATATAN
1	Tilam						
2	Katil						
3	Almari Pakaian						
4	Meja Belajar						
5	Kerusi						
6	Lampu Panjang						
7	Kipas						
8	Cermin Tingkap						
9	<i>Smoke Detector</i>						
10	Sampah Sarap Dibuang Dan Dibersihkan						
11	Laci Dan Almari Dikosongkan						
12	Tampalan Dan Contengan Dibersihkan						
13	Kunci Bilik						

Tindakan Tatatertib secara tuntutan gantirugi/pampasan boleh dikenakan sekiranya terdapat sebarang masalah atau kerosakan yang tidak dilaporkan di bawah AKTA 174, BAHAGIAN II: Tatatertib Am & BAHAGIAN V: Tatacara Tatatertib. Harga Ganti Rugi Peralatan & Perabot adalah berdasarkan kepada Notis Ganti Rugi yang dikeluarkan oleh Pihak Pengurusan Kolej Kediaman Pelajar.

1. Pengesahan pelajar selepas menerima kunci bilik

TANDA TANGAN PELAJAR	TARIKH

2. Pengesahan pelajar sebelum memulangkan kunci bilik

TANDA TANGAN PELAJAR	TARIKH

CATATAN :

- # Pelajar dikehendaki mengembalikan semula borang ini ke Kaunter Pengurusan Asrama / AJK asrama sehari selepas tarikh penerimaan kunci bilik.
- # Pelajar dimestikan mengisi semula borang ini sebelum pemulangan kunci di Kaunter Pengurusan Asrama.

UNIT KOLEJ KEDIAMAN PELAJAR

LAMPIRAN 2

POLITEKNIK IBRAHIM SULTAN
KM 10, Jalan Kong Kong, 81700, Pasir Gudang, Johor
Tel: 07-2612800 Fax: 07-2612402

BORANG MAKLUMAT PERIBADI KOLEJ KEDIAMAN (diserahkan kepada Penyelia Asrama semasa pendaftaran)

Dilengkапkan oleh staf bertugas semasa hari pendaftaran kolej kediaman. Tandakan (✓) pada petak yang berkenaan

BLOK ASRAMA	Tandakan (✓)	ARAS	Tandakan (✓)	NO. BILIK (Nyatakan)
HI-TECH 1		G (Bawah)		
HI-TECH 2		Satu		
HI-TECH 3		Dua		
INFO-TECH 1		Tiga		
INFO-TECH 2				
HI-10				

A. PERIBADI:

Nama	<input type="text"/>	Umur	<input type="text"/>	GAMBAR TERKINI BERUKURAN PASSPORT
No. K/P	<input type="text"/>	No. Pendaftaran	<input type="text"/>	
Kursus	<input type="text"/>	Jantina	<input type="text"/>	
Agama	<input type="text"/>	Bangsa	<input type="text"/>	
Alamat Tetap	<input type="text"/>			
	<input type="text"/>			
No. Tel. Rumah	<input type="text"/>	No. Tel. Bimbit	<input type="text"/>	Semester <input type="text"/>

B. PENJAGA:

BAPA

IBU

Nama	<input type="text"/>	<input type="text"/>
Pekerjaan	<input type="text"/>	<input type="text"/>
Pendapatan	<input type="text"/>	<input type="text"/>
No Telefon	<input type="text"/>	<input type="text"/>

C. WARIS TERDEKAT (selain ibu bapa)

Nama	<input type="text"/>	
Pertalian	<input type="text"/>	No. Telefon/HP <input type="text"/>
Alamat	<input type="text"/>	

D. PENYAKIT KRONIK (JIKA ADA)

(Sertakan lampiran laporan pengesahan doktor sekiranya ada)

E. AKUAN MENERIMA TAWARAN PENEMPATAN ASRAMA

Bahawa saya nombor kad pengenalan faham sepanjang masa saya menetap di KOLEJ KEDIAMAN POLITEKNIK IBRAHIM SULTAN (PIS), saya akan mematuhi segala Peraturan Kolej Kediaman PIS khasnya dan AKTA 174 (Pindaan) seperti yang telah diperuntukkan kepada saya. Sepanjang tempoh itu, saya juga berjanji akan menjadi warga PIS yang mulia, berakhhlak dan bijaksana di sisi Agama, Bangsa dan Negara. Sebagai seorang pelajar saya juga sedar bahawa mengikut INSTITUSI-INSTITUSI PELAJARAN (TATATERTIB) 1976 PERINTAH INSTITUSI-INSTITUSI PELAJARAN (PINDAAN 1988) JADUAL KEDUA, BAHAGIAN II, TATATERTIB AM, PERENGGAN 3(a):

Seseorang pelajar tidak boleh berkelakuan samada di dalam atau di luar kampus secara yang boleh memudaratkan kepada kepentingan, kesentosaan mana-mana pelajar, kakitangan, pegawai atau pekerja institusi atau kepada ketenteraman atau keselamatan awam disebabkan akhlak, kesopanan atau tataterrib.

Dengan ini saya menerima TAWARAN PENEMPATAN KOLEJ KEDIAMAN PIS ini dengan rela hati dan bersedia menerima sebarang hukuman yang dikenakan terhadap saya termasuk mengeluarkan saya dari kolej kediaman secara serta merta sekiranya saya melakukan kesalahan di bawah mana-mana peruntukan undang-undang bertulis kerajaan Malaysia, AKTA 174 dan Peraturan Kolej Kediaman PIS. Saya akan akur dengan tindakan yang akan dikenakan terhadap saya sekiranya saya disabitkan kesalahan. Sehubungan dengan itu sebarang masalah peribadi dan harta peribadi saya adalah tanggungjawab saya. Kehilangan atau kerosakan harta awam atau harta PIS disebabkan oleh saya, akan ditanggung oleh saya sendiri.

Dengan ini kami yang menurunkan tandatangan di bawah ini faham akan apa yang kami lakukan.

Tandatangan Pelajar:

.....
Nama:

No. Pendaftaran:

Tarikh:

Tandatangan Saksi:

.....
Nama:

No. Kad Pengenalan:

Tarikh:

*Urusan Pejabat Kolej Kediaman



BORANG DEKLARASI SARINGAN COVID-19

Sila bulatkan jawapan anda.

1. Adakah anda mengalami gejala berikut?

- (a) Demam
- (b) Batuk
- (c) Selesema
- (d) Sesak Nafas

Ya / Tidak
Ya / Tidak
Ya / Tidak
Ya / Tidak

2. Adakah anda pernah disahkan **positif COVID-19**?

Ya / Tidak

3. Adakah anda mempunyai kontak rapat dengan mereka yang disahkan **POSITIF COVID-19**?

Ya / Tidak

4. Adakah anda mempunyai sejarah perjalanan ke luar negara dalam tempoh 14 hari yang lepas?

Ya / Tidak

Saya mengesahkan bahawa semua maklumat yang diberikan adalah betul dan tepat.
Tindakan boleh dikenakan jika maklumat yang diberikan adalah palsu.

Nama :

No. Kad Pengenalan :

No. Matrik :

Jabatan :

No. Telefon :

Tarikh :

T. Tangan :

**BORANG PERMOHONAN AHLI (PELAJAR)
KOPERASI POLITEKNIK IBRAHIM SULTAN BERHAD**

Sila lekatkan
gambar warna
terkini
berukuran
pasport

KOPERASI POLITEKNIK IBRAHIM SULTAN BERHAD
KM 10, JALAN KONG KONG, 81700 PASIR GUDANG
(TEL: 07-2612060 / FAX: 07-2612963)

BUTIRAN PERIBADI (diisi dengan huruf besar)

NO AHLI:

NAMA PELAJAR:

NO KAD PENGENALAN:

NO PENDAFTARAN PELAJAR:

JANTINA:

LELAKI
PEREMPUAN

JABATAN:

SABARAN

ALAMAT TEMPAT TINGGAL:

NO TELEFON:

Saya mengaku bahawa segala maklumat yang diberikan di atas adalah benar.

Bersama-sama ini saya sertakan bayaran seperti berikut:

- i. Saham : RM 10.00
ii. Pendaftaran : RM 5.00

*Bayaran minimum saham adalah sebanyak RM 10.00

Tandatangan:

Kegunaan Pejabat:

Tarikh Terima:

Tarikh:

* Borang ini perlu diserahkan semasa pengagihan barang koperasi di kabin koperasi (bersebelahan kafeteria Kolej Kediaman Pelajar)
* Sila kepukauan 1 salinan SLIP BAYARAN PENDAFTARAN bersama borang

**SELAMAT DATANG PELAJAR
BAHARU SESI JUN 2020
DARI KAMI
JABATAN HAL EHWAL PELAJAR,
POLITEKNIK IBRAHIM SULTAN**